


PERSATUAN GRADUAN ASK  
dengan kerjasama  
AKADEMI SENI KEBANGSAAN  
*mempersembahkan*



*makyung*  
*raja muda* **Lakleng**

arahan/skrip  
ENGKU NOORMALAREESA ENGKU MALIK



**22 - 23 Ogos 2001**

# makyung Raja Muda Lakleng

## sinopsis

MAKYUNG ini mengisahkan tentang Raja Muda Lakleng dan isterinya, Siti Nadewi yang sedang menanti kelahiran anak sulung mereka. Pada satu ketika, Siti Nadewi mengidam untuk memakan buah pauh (mangga) yang terdapat di kebun seorang saudagar Cina. Raja Muda Lakleng lalu mengajak pengasuhnya pergi ke kebun tersebut. Di sana, Raja Muda telah terpengaruh dan terlibat dalam perjudian (laga ayam), sehingga kalah dan banyak berhutang. Oleh kerana tidak mampu membayar hutangnya, Raja Muda Lakleng terpaksa menjadi pekerja di ladang saudagar itu. Mendapat tahu hal tersebut, Siti Nadewi berusaha mencari wang dan menebus suaminya.

Setelah isterinya selamat melahirkan anak, Raja Muda mengambil keputusan untuk belayar mencari rezeki sambil melihat negeri orang. Tiba di sebuah negeri yang diperintah oleh Raja Dewa Vishnu, Raja Muda Lakleng telah dihina dan dicabar supaya berlaga ayam. Malah, Raja Dewa Vishnu sanggup mempertaruhkan negeri dan isterinya, Puteri Cempaka sekiranya Raja Muda menang. Walaupun Raja Muda menolak, dia terus dihina hingga terpaksa menyahut cabaran itu bagi mempertahankan maruah bangsa dan negerinya. Raja Muda Lakleng menang, tetapi Raja Dewa Vishnu telah membuat helah. Mereka lalu beradu kekuatan dan Raja Muda Lakleng telah menang dalam pertarungan itu. Akhirnya negeri dan isteri Raja Dewa Vishnu menjadi milik Raja Muda Lakleng.

*This Makyung revolves around the story of Raja Muda Lakleng and his wife, Siti Nadawi, who while expecting her first child has a longing (craze) for*



# makyung Raja Muda Lakleng

*After his wife has delivered their baby, Raja Muda Lakleng decides to embark on a journey to foreign lands to seek fortune/earnings. On arrival in a kingdom ruled by Raja Dewa Vishnu, Raja Muda Lakleng is disgraced and humiliated, and challenged to a game of cock-fighting. In fact Raja Vishnu is even willing to bet on his kingdom and wife, Puteri Cempaka if Raja Muda wins. When Raja Muda refuses he is further humiliated until he is forced to accept the challenge to defend the dignity of his people and kingdom. Raja Muda Lakleng wins but Raja Muda Vishnu fails to keep his word. A duel ensues and Raja Muda Lakleng wins. Finally, Raja Dewa Vishnu's kingdom and wife belong to Raja Muda Lakleng.*



## pelakon

Pak Yong Raja Muda LakLeng **ENGKU NORMALA-REESA ENGKU MALIK** Raja Dewa Vishnu **BAHARUD-DIN BAHARIN RAMLI** Puteri Siti Nadewi **NOR ATIQAH BINTI ALI** Puteri Cempaka **RANOFLA DIANTI IRWAN** Peran I **MD. EYZENDY MD. AZIZ** Peran II **ROSDEEN SUBOH** Awang I **ROSLI MOHD TAIB** Inang Siti Nadewi **ARIFWARAN SAHARUDIN • ZAINATUL SHUHADA ABDUL RAHMAN** Inang Raja Dewa Vishnu **SITI ROHANA JALIL • AFNA JUITARINA ALI AMBERAN** Saudagar Cina **WAN HAZELINDA MOHAMED** Ayam Kepala Merah **KAMELIA SURIA KAMARUDDIN** Ayam Kepala Hijau **MOHD YA LATIP BIN MOHD DAUD** Penari • **WAN HAZELINDA MOHAMED**



## pemuzik

Rebab **PAK IBRAHIM SENIK**  
Gendang Ibu **PAK HUSSIN YUSOF**  
Gendang Anak **SHUHAREZUAN RAMLI**  
Geduk Ibu/ Geduk Anak **MUSTAKIM YUSUF**  
Canang **MOHD. RAZIF NIZAM ABDULLAH**  
Kesi **PAK ISMAIL MAMAT**  
Tetawak **SHAHIRAL MOHD SALLEH**



# makyung aja muda *Lakleng*

**Pak Yong Raja Muda Lak Leng /Pengarah**  
**ENGKU NORMALAREESA BINTI ENSKU MALIK**

Pemegang Diploma Teater ini merupakan cucunda kepada Primadona dan Seniman Negara ke 3, Allahyarhamah Khatijah Awang. Dilahirkan di negeri Cik Siti Wan Kembang dan diasuh dengan seni budaya tradisi makyung sejak kecil lagi. Di ASK, beliau memilih bidang pengarah sebagai pengkhususan utama dan bidang lakonan sebagai pilihan kedua.

**Raja Dewa Vishnu / Penolong Pengurus Produksi/Penyelaras Kostum**  
**BAHARUDDIN BAHARIN RAMLI**

Memilih Sinografi sebagai pengkhususan utama manakala lakonan sebagai pengkhususan kedua semasa menuntut di ASK. Beliau banyak terlibat didalam produksi anjuran Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sebagai pelakon, tenaga pengurusan produksi (kostum/tatarias) dan penari. Beliau kini telah dilantik sebagai tenaga pengajar sambilan (tutor) ASK disamping membantu menguruskan hal-hal pemasaran dan Hal Ehwal Pelajar.

**Puteri Siti Nadewi**  
**NOR ATIQA BINTI MOHD ALI**

Pemegang Diploma Tari ini mempunyai kecenderungan di dalam bidang tarian tradisional. Selama 4 tahun menuntut di ASK, beliau telah mempelajari pelbagai genre tari di samping diberi kepercayaan untuk memegang beberapa watak penting di dalam produksi teater anjuran ASK.



**Puteri Cempaka**  
**RANOFLA DIANTI BINTI IRWAN**

Setelah tamat pengajian di ASK pada tahun 2000, beliau meneruskan pengajian di bidang bahasa dan linguistik di Universiti PUTRA Malaysia. Beliau merupakan seorang penulis yang aktif dan karyanya meliputi genre cerpen, puisi dan rencana. Cerpen SRIKANDI PENTAS KIRANA yang disiarkan di dalam Mingguan Malaysia telah berjaya memenangi Hadiah Utama, Hadiah Utusan Public Bank pada tahun 2000 dan 2001.

utama dan pengendangan Melayu sebagai pengkhususan kedua. Beliau juga turut berbakat di bidang lakonan.

**Peran II**  
**ROSDEEN SUBOH**

Siswazah kumpulan pertama ASK ini adalah anak kelahiran Johor dan berbakat besar di bidang teater. Kini beliau sedang mengikuti pengajian Sarjanamuda Seni Persembahan di Universiti Malaya. Sempena PEKAN TEATER WILAYAH PERSEKUTUAN 2001, Rosdeen Suboh yang mewakili Universiti Malaya telah dianugerahkan sebagai Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik.

**Awang I**  
**ROSLI BIN MOHD TAIB**

Pelajar tahun akhir Program Teater ini bukan sahaja berbakat di dalam bidang teater sebagai pelakon, tetapi beliau juga melibatkan diri dengan kerja-kerja pengurusan pentas dan berbakat memainkan alat muzik tradisional. Rosli turut terlibat secara aktif di dalam persembahan wayang kulit ASK rasmi sebagai pemuzik.

**Inang Siti Nadewi**  
**ARIFWARAN BAHARUDIN**

Pelajar tahun akhir Program Teater ini turut berbakat besar di dalam bidang tari. Beliau pernah mewakili Malaysia dalam Festival Tari Antarabangsa yang diadakan di Jepun dan Singapura dan juga merupakan seorang koreografer tari yang berbakat besar.

**Inang Siti Nadewi**  
**SHARIFUL AKMA ABDULLAH**

Pemegang Diploma Teater dalam pengkhususan utama pengarah dan lakonan sebagai pengkhususan kedua. Sering terlibat dalam pementasan/produksi menguruskan tatarias. Penglibatan aktif di dalam produksi luar dan dalam ASK tidak pernah menyekat beliau dari terus mempertingkatkan pencapaian akademik beliau semasa di ASK. Beliau telah dianugerahkan sebagai Pelajar Terbaik Program Teater sesi kemasukan 1997/1998. Beliau kini merupakan Artis Bebas.

**Inang Siti Nadewi/ Kostum**  
**ZAINATUL SHUHADA ABDUL RAHMAN**

Pemegang Diploma Penulisan ini turut cenderung melibatkan diri di dalam bidang pengurusan pentas.

**Inang Raja Dewa Vishnu**  
**SITI ROHANA JALIL**

Selain berbakat di bidang penulisan beliau juga berani untuk mencuba di bidang lakonan, tarian, pengurusan pentas dan muzik tradisional. Meskipun terlibat secara



# makyung aja muda Lakleng

**Inang Raja Dewa Vishnu/Tatarias**

**AFNA JUITARINA ALI AMBERAN**

Memasuki ASK pada sesi kemasukan 1996/1997 dan merupakan salah seorang pelajar yang tidak pernah mengenal erti penat dan putus asa. Berkat usaha dan ketekunannya, beliau kini telah dilantik menjadi tenaga pengajar sambilan (tutor) ASK pengkhususan tarian tradisional.

**Saudagar Cina /Penyelaras Kostum / Logistik/Penari**

**WAN HAZELINDA MOHAMED**

Pemegang Diploma Penulisan ASK ini berjaya mengasah bakat di bidang penulisan dan pengurusan seni. Meskipun memilih pengkhususan penulisan namun beliau turut terlibat dengan aktifnya di bidang lakonan dan tarian.



**Ayam Kepala Merah / Dokumentasi**  
**KAMELIA SURIA KAMARUDDIN**

Pemegang Diploma Penulisan ASK dan kini melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjanamuda Seni Persembahan (Penulisan Seni Layar) di UiTM Shah Alam setelah menamatkan pengajian di ASK pada tahun 2000.

**Ayam Kepala Hijau / Pengurus Panggung**

**MOHD YA LATIP DAUD**

Pemegang Diploma Penulisan dan kini melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjanamuda Seni Persembahan (Penulisan Seni Layar) di UiTM Shah Alam setelah menamatkan pengajian di ASK pada tahun 2000.

**Pengurus Produksi**

**NOORAINI HARUN**

Dianugerahkan Diploma Tari pada tahun 2001. Sepanjang pengajiannya beliau telah didedahkan dan terlibat secara langsung di dalam bidang pengurusan seni dan pengurusan produksi. Kecenderungan dan prestasi beliau di dalam bidang tari merupakan aset dalam membantu beliau dilantik sebagai tenaga pengajar sambilan (tutor) ASK. Disamping itu beliau turut membantu menguruskan pelaksanaan Program Tari ASK.

**Pengurus Produksi**

**Penolong Pengurus Produksi**

**ROZIHANI MOHAMAD**

Dianugerahkan Diploma Penulisan pada tahun 2001. Sepanjang pengajiannya beliau telah didedahkan dan terlibat secara langsung di dalam bidang pengurusan seni dan pengurusan produksi yang dianjurkan oleh ASK khasnya dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan amnya. Beliau kini telah dilantik sebagai tenaga pengajar sambilan (tutor) ASK disamping membantu menguruskan hal-hal pemasaran dan Hal Ehwal Pelajar.

**Pengarah Teknikal/Artistik**

**AZIZUL ZAHID JAMAL**

Siswazah kumpulan pertama ASK dalam bidang teater dan pengkhususan beliau ialah Sinografi (tatacahaya dan teknikal). Komitmen dan keterlibatan yang serius sepanjang menuntut di ASK telah memberi peluang kepadanya untuk terlibat secara profesional di dalam beberapa buah produksi besar anjuran ASK dan KKKP. Lebih dikenali sebagai TOEMOE di kalangan penggiat seni teater. Malah beliau pernah dihantar ke luar negara seperti Jepun dan Mesir untuk kerja-kerja penataan cahaya. Kini beliau dilantik sebagai Tenaga Pengajar (tutor) ASK sambilan.

**Pengarah Teknikal/Artistik**

**SHAHILI ABDAN**

Pemegang Diploma Teater yang lebih menjurus di bidang pengarah dan lakonan teater. Seorang yang unik dan berpotensi untuk melahirkan idea-idea segar dan bernas. Sering diberi kepercayaan oleh ACTORS STUDIO untuk melahirkan karya-karya untuk dipentaskan di sana.

**Pengurus Pentas**

**LENA FARIDA HUSSAIN CHIN**

Pemegang Diploma Penulisan yang lebih cenderung di dalam melaksanakan kerja-kerja di belakang tabir. Lena kini melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjanamuda Seni Persembahan (Penulisan Seni Layar) di UiTM Shah Alam.

**Ketua Penyelaras Kostum**

**ROSMAN ISHAK**

Pemegang Diploma Teater kumpulan pertama ASK. Seorang yang amat berbakat didalam bidang lakonan dan tatarias. Kecenderungan dan komitmen yang bersungguh merupakan platform kepadanya untuk terlibat didalam pelbagai produksi teater/filem /tv sekitar Kuala Lumpur. Beliau kini merupakan salah seorang Tenaga Pengajar (tutor) sambilan ASK di bawah Program Teater dalam bidang Vokal.

**Penyelaras Kostum**

**RASHIDAH LUDIN**

Pemegang Diploma Penulisan ini lebih berminat melaksanakan kerja-kerja di belakang tabir. Beliau kini melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjanamuda Seni Persembahan (Penulisan Seni Layar) di UiTM Shah Alam.

# makyung aja muda *Lakleng*

## Ketua Muzik

### **KAMRULBAHRI HUSSIN**

Pemegang Diploma Muzik dan merupakan anak didik Allahyarham Pak Hamzah Awang Amat, Seniman Negara Pertama ini amat berbakat besar di dalam bidang seni muzik tradisional Melayu (perкуси). Beliau kini merupakan salah seorang Tenaga Pengajar (tutor) sambilan ASK di bawah Program Wajib Akademi-muzik Wayang Kulit. Beliau turut diberi kepercayaan oleh UKM sebagai jurulatih muzik bagi mengendalikan kursus muzik Wayang Kulit. Minat dan bakat sebagai pemain muzik tradisional telah mengharumkan nama beliau di kalangan penggiat muzik tanah air.

## Ketua Muzik

### **SHUAREZUAN RAMLI**

Pelajar tahun akhir Program Muzik ini memilih alat muzik Gambus dan kecenderungan beliau adalah di dalam alat muzik tradisional. Seorang pelajar yang serius di dalam mencapai matlamat dan visi untuk pengembangan dan perjuangan seni muzik tradisional.

## Publisiti & Promosi

### **SITI JASMINA IBRAHIM**

Pemegang Diploma Penulisan kumpulan pertama ASK. Aktif melibatkan diri di bidang penulisan khususnya genre cerpen dan novel. Beliau pernah dilantik sebagai Panel Skrip Teater Epik TUN PERAK arahan Dr. Hatta Azad Khan yang dipentaskan di Istana Budaya terbitan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.



## Tenaga Produksi Makyung

### *“Raja Muda Lakleng”*

## Penaung

### **YM Dato' Tengku Alaudin Tengku Abd Majid**

*Pengerusi Majlis ASK merangkap KSU, KKKP*

## Penasihat

### **Puan Norliza Rofli**

*Pengarah ASK*

## Penolong Penasihat

### **Encik Zakaria Ariffin**

*Ketua Program Teater*

### **Encik Rahim Abdullah**

*Ketua Program Penulisan*

### **Encik Joseph Gonzales**

*Ketua Program Tari*

### **Encik Ramlan Imam**

*Ketua Program Muzik*

### **Encik Abdullah Zainol**

*Ketua Program Sinematografi*

Pengurusan, Pentadbiran, Kewangan, Teknikal., Pemasaran

**NORIZAH ARSHAD • NOR ALIZA AHMAD • MOHD AMIR**

**HAKIM MOHD YUSOF • GHAZALI ABDULLAH •**

**KAMARULZAMAN TAIB • RAJA NOR SHEELA RAJA AZIDDIN**

**• MELAH KHALID • ZAILENA MOHD RAZALI • SULAIMAN**

**MAMAT ROSLEE AHMAD • AHMAD HAMZAH • SITI FATIMAH**

# makyung aja muda Lakleng

Pengurus Produksi

**NOORAINI BINTI HARUN • SHAHRUL AZLI BI MD. SHUKOR**

Pem. Pengurus Produksi

**ROZIHANI MOHAMAD  
BAHARUDDIN BAHARIN RAMLI**

Pengarah

**ENGKU NORMALAREESA ENSKU MALIK**

Pengarah Teknikal/Artistik

**AZIZUL ZAHID JAMAL • SHAHILI ABDAN**

Pengurus Pentas

**LENA FARIDA HUSSAIN CHIN**

Ketua Penyelaras Kostum

**ROSMAN ISHAK**

Penyelaras Kostum

**BAHARUDDIN BAHARIN RAMLI • RASHIDAH LUDIN •  
WAN NORSIAH WAN ABDULLAH**

Tatarias

**JUNAINAH M. LOJONG • AFNA JUITARINA ALI AMBERAN**

Ketua Muzik

**KAMRUL BAHRI HUSSIN • SHUAREZUAN RAMLI**

Korografer Tari

**AFNA JUITARINA ALI AMBERAN**

Publisiti & Promosi

**SITI JASMINA IBRAHIM**

Dokumentasi

**KAMELIA SURIA KAMARUDDIN**

Pengurus Pengurusan

## makyung

Makyung berasal dari perkataan MAK HIANG iaitu "Semangat Padi" yang juga dikenali sebagai Dewi Sri. Makyung merupakan persembahan dramatari tradisional Melayu Kelantan yang menggabungkan elemen seni tari, suara, lakon, lawak jenaka dan muzik.

Mengikut catatan awal, Peter Florist, seorang pedagang Eropah pernah menyaksikan kesenian ini di istana Raja Perempuan Pattani pada tahun 1613.

Di Kelantan, Makyung menjadi kesenian di istana semasa pemerintahan Sultan Mahmud IV (1900 - 1920) dan kemudiannya Sultan Ismail. Teater Tradisional ini seterusnya dihidupkan kembali oleh Tengku Zainal Ghaffar II yang dikenali sebagai Tengku Temenggong.

Pada tahun 1969, beberapa orang tokoh budaya (antaranya Tan Sri Mubin Sheppard) dan pembesar di negeri Kelantan berusaha untuk mengekalkan warisan ini dan usaha itu telah terbukti apabila Makyung tetap segar hingga ke hari ini.



# makyung aja muda *Lakleng*

## makyung di ASK

Mulai 1996, Teater Tradisional Makyung diperkenalkan satu kursus wajib kepada semua pelajar di ASK sebagai usaha mengembalikan kegemilangan makyung yang semakin dilupakan oleh generasi masa kini. Pembelajaran yang melibatkan kuliah teori dan praktikal di bahagikan kepada dua semester iaitu:- penumpuan mengenai sejarah dan asas elemen-elemen seni makyung dilakukan di semester pertama manakala di semester kedua mengkhusus kepada produksi makyung.

Pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi pelajar-pelajar akan diakhiri dengan sebuah produksi makyung kepada khalayak dengan objektif:-

- i) usaha memulihara dan mempertahankan warisan seni makyung dapat dikongsi bersama dengan orang ramai;
- ii) memperlihatkan elemen-elemen keindahan, kehalusan dan estetika teater tradisional makyung secara langsung;
- iii) memberi ruang kepada teater tradisional yang sama pentingnya dengan teater moden menemui khalayak dan diaktifkan secara berterusan; dan
- iii) memperlihatkan suatu bentuk teater kepada khalayak untuk menilai, mengapresiasi serta mendapat pengalaman baru melalui makyung.

Sejak makyung diperkenalkan sebagai salah satu kursus wajib akademi, ASK telah berjaya mementaskan lima produksi makyung iaitu:-

- i) "ANAK RAJA GONDANG" 1997 arahan Allahyarham Khatijah Awang
- ii) "ANAK RAJA GONDANG 2" 1998 arahan Allahyarham Khatijah Awang
- iii) "RAJA TANGKAI HATI" 1999 arahan Allahyarham Khatijah Awang
- iii) "DEWA MUDA 1" 2000 arahan Allahyarham Khatijah Awang
- iv) "DEWA MUDA 2" 2000 arahan Engku Noormalareesa Engku Malik

## AKADEMI SENI KEBANGSAAN

### objektif

Menyediakan peluang dan ruang kepada pengiat seni untuk mengikuti latihan secara formal dalam bidang seni ke arah melahirkan karyawan dan seniman yang mantap, berilmu dan profesional.

Akademi Seni Kebangsaan merupakan sebuah institusi pengajian tinggi yang bertujuan menghasilkan seniman yang mahir dan karyawan yang berwibawa di samping menentukan kesinambungan warisan seni negara. Pada prinsipnya Akademi Seni Kebangsaan menumpukan pendidikan seni ke arah mengeluarkan "performers" yang profesional dan berilmu. Penekanan pembelajaran diberi kepada pendidikan amali bagi memastikan pelajar mencapai kemahiran yang tinggi. Siswazah Akademi Seni Kebangsaan adalah diharapkan dapat menampung keperluan tenaga mahir dalam bidang kesenian dan kemahiran ini dapat mengisi keperluan tenaga profesional seperti anggota orkestra, pencipta, penggubah, pelakon, penulis skrip, pendidik seni serta lain-lain kerjaya yang berkaitan dengan industri seni.



AKADEMI SENI KEBANGSAAN

### fungsi-fungsi utama

- Melahirkan golongan karyawan dan artis yang berilmu dan profesional.
- Menambah bilangan penggiat seni yang mampu menjadi pemimpin dan penggerak yang berkesan dalam usaha membangunkan industri kesenian negara.

# makyung muda *Lakleng*

## belangsukawa

### *Hamzah Awang Amat*

**D**ilahirkan pada tahun 1940 di Kampung Kebakat, Tumpat, Kelantan. Beliau mula mempelajari seni wayang kulit semenjak berusia belasan tahun melalui pemerhatian terhadap persembahan kesenian tersebut di kampungnya. Kumpulan Wayang Kulit pimpinannya pernah mengadakan persembahan sehingga ke luar negara. Allahyarham Hamzah Awang Amat merupakan penerima anugerah Seniman Negara yang pertama yang dianugerahkan oleh Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia. Upacara gilang-gemilang ini telah diadakan di Parlimen dan penganugerahan telah disempurnakan oleh SPB Yang DiPertuan Agong pada 26 Oktober 1993. Kehandalan dan ketokohan di bidang teater tradisional wayang kulit turut diiktiraf oleh pertubuhan/persatuan/organisasi luar negara apabila beliau dianugerahkan dengan pelbagai anugerah dari luar negara, seperti dari Pakistan dan Jepun. Bermula dari tahun 1994, Akademi Seni Kebangsaan telah melantik Allahyarham Pak Hamzah Awang Amat sebagai Tenaga Pengajar kursus Wayang Kulit dan Muzik Makyung. Di bawah didikan dan asuhan Allahyarham, ASK telah melahirkan beberapa orang lulusan yang berpotensi untuk digilap dan diketengahkan sebagai pelapis dunia muzik wayang kulit seperti Kamrulbahri Hussin, Isyam Swardy Daud, Dorothy Jonathan Linggang dan



### *Khatijah Awang*

**D**ilahirkan pada 13 Ogos 1941 di Pasir Mas Kelantan. Mula belajar menari dari ibu mertuanya yang juga emak sepupunya, iaitu Che Kemala. Beliau turut mempelajari rentak dan bunga tari makyung daripada beberapa orang tokoh makyung yang lain. Dalam teater tradisional makyung, tarian dan nyanyian merupakan kekuatan utama dan menjadi induk untuk membuktikan bahawa teater tradisional makyung ini adalah teater tradisional yang amat mencabar. Usaha pengkalan dan pengembangan teater tradisional ini oleh ASK dan KKKP akhirnya membuatkan Khatijah Awang menjadi salah seorang kerabat ASK apabila beliau dilantik menjadi Tenaga Pengajar kursus makyung di ASK pada tahun 1994. Di atas sumbangannya dalam memartabatkan akal budi manusia melalui karya seni makyung yang unggul, maka Kerajaan Malaysia pada 10 November 1999 telah menobatkannya sebagai Seniman Negara. Jasa dan khidmat beliau membimbing anak-anak seni ASK tiada dapat dinilai dan beliau terus berbakti sehinggalah kembali ke rahmatullah pada 13 September 2001. Berkat asuhannya ASK berjaya melatih dan memupuk perasaan cintakan makyung dikalangan para pelajarnya seperti Engku Noormalareesa Engku Malik, Juhara Ayob, Norzizi Zulkafli, Marlenney Deen Erwan, W. Zalina Rajali, Baharuddin Ramli, Sabri Mohd Zain, Rosdeen Suboh. Cinta kepada teater tradisional ini akhirnya mencetuskan idea di kalangan ahli Persatuan Graduan



makyung  
aja muda

# Lakleng

## Jawatankuasa Penaja Persatuan graduan ASK

<b>Presiden</b>	:	YM Raja Iskandar Raja Halid
<b>Naib Presiden</b>	:	Encik Azizul Zahid Jamal
<b>Setiausaha</b>	:	Encik Shahrul Azli Mohd Shukor
<b>Bendahari</b>	:	Cik Norzizi Zulkifli
<b>AJK</b>	:	Encik Rosman Ishak
		Encik Shahili Abdan
		Cik Junainah M. Lojong
		Encik Megat Adnan Megat Ridzuan
		Puan Dahlia Tan Abdulah

## Majlis Perwakilan Pelajar Akademi Seni Kebangsaan (MPPASK) Penggagal 2001/2002

Pengerusi  
**Encik Mohd Fauzi Abdul Rais**

Naib Pengerusi  
**Cik Norhidayah Asari**

Setiausaha  
**Cik Zuriah Mohamad**

Penolong Setiausaha  
**Cik Amira Sariyati Mohd Hatta**

Bendahari  
**Cik Adriane Nicholas Palikat**

Wakil Program Muzik  
**Encik Anas Salleh Rahbeni**

Wakil Program Penulisan  
**Encik Rime Nazreen Razak**

Wakil Program Tari  
**Encik Shafirul Azmi Suhaimi**

Wakil Program Teater  
**Encik Abdul Sham Abdul Razak**

makyung  
*raja muda* **Lakleng**

**PERSATUAN GRADUAN ASK**  
merakamkan penghargaan kepada  
Pengurusan Akademi Seni Kebangsaan di atas  
kepercayaan dan sokongan di dalam pelaksanaan  
Makyung "RAJA MUDA LAKLENG"

## **penghargaan**

Kementerian Kewangan • Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan  
Pelancongan • Dewan Bandaraya Kuala Lumpur • Istana Budaya  
Pusat Pelancongan Malaysia • Media Massa • Tenaga Pengajar ASK •  
Pelajar-Pelajar ASK • Pengurusan Akademi Seni Kebangsaan •  
Majlis Perwakilan Pelajar ASK Penggal 2001/2002

*Terima Kasih*